

24/12/2001

Penyair dihormati pada zaman lampau

Baharuddin Zakaria

MASYARAKAT Arab begitu meminati hasil sastera terutama karya yang berbentuk syair pada zaman awal dulu. Ahli syair disanjung dan mendapat tempat yang mulia di sisi masyarakat. Masyarakat mendengar syair untuk mencari ketenangan dan sekali gus mampu menghilangkan kerunsingan serta duka lara terutama perjuangan di medan perang.

Penulis dan pembaca syair pada zaman itu mendapat tempat yang mulia dan tertinggi dalam kabilahnya. Setiap tetamu yang bertandang akan diberitahu tentang keberanian dan kebolehan ahli syair mereka.

Syair pada zaman awal amat sederhana penghasilannya. Karyanya hanya berkisar mengenai ingatan atau nostalgia pada zaman sebelum itu. Ia digarap daripada apa-apa yang berlaku dan suasana ketika itu. Mesejnya juga tertumpu ketika mereka tinggal di kampung halaman, di kawasan perkhemahannya dan di sekitar suasana kehidupan binatang ternakan serta gembalanya.

Cerita begitu terus terhasil apabila mereka merantau mencari nafkah ditempat jauh dari kampung halaman yang entah bila mereka akan kembali.

Dalam kesunyian dan kerinduan begitulah mereka melepaskan rasa dengan mendendangkan syair kecintaan yang amat mendalam terhadap kampung halaman. Dilafazkan segala nama orang tersayang yang jauh ditinggalkan.

Di samping itu mereka juga melahirkan syair yang menaikkan semangat kabilahnya supaya bangkit berjuang untuk membela kaum mereka. Antaranya dinyatakan dalam syair itu bahawa mereka pernah mengalahkan musuh di satu-satu tempat.

Syair sedih turut dihasilkan seperti meratapi teman yang pergi tidak kembali lagi. Melahirkan kesedihan terhadap saudara mara yang sudah mati terbunuh dalam medan perang serta menangisi sahabat yang terkorban dalam perjuangan.

Beberapa penyair pada zaman itu turut mendapat penghormatan dan dianugerah sebagai penyair yang berjaya. Antaranya termasuklah Zuhair yang menghasilkan syair kerinduan, budi pekerti dan perangai baik suku kaumnya. Begitu juga dengan penyair Amrul Qiys.

Tujuh karya syair terpilih dan amat menarik hati telah digantung di Kaabah sebagai hasil karya yang dianggap mahal serta tinggi nilainya. Antara syair yang terpilih itu ialah karya Amirul Qiys (meninggal dunia pada 540 Masihi), Al Harst (meninggal dunia pada 564 Masihi), Intarah (meninggal dunia pada 615 Masihi), Amr (meninggal dunia pada 622 Masihi) dan Lubaid (meninggal dunia pada 662 Masihi).

Penyair terkenal ini akan bertemu dan berkumpul di dalam khemah sambil berbincang dan memperkatakan hasil karya masing-masing. Apabila malam berseri dengan limpahan cahaya bulan, mereka akan keluar dan mendendangkan kesemua tujuh syair pilihan yang tergantung di Kaabah itu. Setiap bait dibaca akan mendapat sambutan gemuruh dari ahli kabilah. Malah mereka diminta membacanya berulang kali.

Penghormatan masyarakat ketika itu terhadap penyair amat tinggi. Mana-mana kabilah yang mempunyai penyair akan diberi penghormatan oleh kabilah lain di Pasar Ukkaz. Kabilah yang tidak mempunyai penyair akan merendah diri dan mereka akan mengucapkan selamat berbahagia kepada kabilah yang mempunyai penyair.

Begitulah hebatnya fungsi penyair pada zaman lampau. Sebagai penyair pada zaman ini kita juga punya tugas penting untuk membangun masyarakat dan negara tercinta ini. Ini terbukti pada malam Kembara Puisi Pahang

Daerah Raub 2001 yang berlangsung dalam suasana cukup meriah di Padang Besar Majlis Daerah Raub baru-baru ini.

Antara penyair yang menyerikan malam itu ialah Sutung Umar RS, Marsli NO, Sani Sudin, Yasin Salleh dan Arisel BA.

Usaha Pena dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan Pahang dan Berita Harian itu adalah usaha yang baik dan seharusnya pada tahun 2002 majlis yang seperti ini patut diteruskan lagi dengan lebih teratur dan pasti tarikh dan tempatnya. Susunan program seharusnya dapat dibuat lebih awal sebagaimana yang terjadi di Rumah Pena pada setiap Jumaat malam Sabtu pertama setiap bulan.

Kelemahan jika mahu dilihat sebagai kelemahan bukan tidak ada. Namun satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah sambutan majlis itu sekiranya di adakan di bandar kecil, tidak hanya di Kuantan adalah menggalakkan. Majlis yang seumpama itu penting tidak saja kepada penyair lama dan baru tetapi juga kepada masyarakat dan penulis baru yang mahu mencuba dan mengasah bakat mereka.

Majlis itu dapat digunakan penyair baru bagi mendapat pendedahan yang secukupnya sebelum mereka bertanding untuk mendapat tempat pada media yang berpengaruh. Majlis baca puisi juga penting, terutama di bandar kecil kerana dengan begitu membuka peluang kepada generasi muda ikut serta pada majlis yang jelas mempunyai tujuan murni dan dengan secara tidak langsung mengisi masa mereka. Tentulah lebih baik daripada mereka hanya berkumpul dengan kalangan mereka, yang boleh mengakibatkan terjadinya pelbagai kegiatan yang kurang sihat.

Selain itu, masyarakat dididik secara terancang untuk menikmati hasil sastera yang memang amat bermanfaat pada mereka terutama pada zaman global dan penuh cabaran ini.

Puisi dalam masyarakat Malaysia memperoleh tempat yang baik. Tidak saja genre kegemaran orang muda, tetapi juga digemari oleh pemimpin tertinggi kita seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini bukan saja menulis puisi tetapi juga membaca puisi dalam banyak majlis. Malahan majlis anjuran Biro Tatanegara setiap tahun seperti yang berlangsung pada tahun ini disertai oleh ramai pemimpin.

Pengaruh Baca Puisi Pena yang diadakan setiap bulan itu begitu besar sehingga Gapena pun terpaksa membuka langkah untuk ikut sama mendekati orang muda dengan majlis Ratib 1,000 Syair. Begitu juga RTM kini mengambil inisiatif yang amat positif menyiarkan bukan saja lagu puisi tetapi juga bacaan puisi oleh penyair sendiri. Semoga tahun 2002 nanti penyair Malaysia akan lebih cemerlang.

(END)